

Gerbang Pelancongan Antarabangsa dinanti penduduk

Jertih: Penantian penduduk di daerah Besut hampir empat tahun untuk melihat projek pembangunan termasuk menaik taraf muara Sungai Kuala Besut yang dijadikan laluan utama pelancongan ke Pulau Perhentian, menjadi kenyataan apabila lokasi itu diumumkan Gerbang Pelancongan Antarabangsa (GPA).

Ahli Parlimen Besut, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata GPA mampu memberi nilai baharu kepada Kuala Besut, terutama dalam sektor pelancongan dengan kedudukannya se-



Idris Jusoh

bagai pintu masuk utama ke Pulau Perhentian, iaitu antara 13 pulau tercantik di dunia.

Peruntukan RM250 juta

Katanya, Kerajaan Persekutuan membelanjakan RM250 juta untuk mendalamkan muara dan pembinaan benteng pemecah ombak dalam usaha menjadikan GPA tarikan utama pelabur dalam sektor pelancongan di negara ini.

“Pelaburan Kerajaan Persekutuan itu dianggap setimpal kerana GPA bukan saja mengakhiri masalah

muara cetek dihadapi nelayan dan pengusaha bot pelancong sejak beberapa tahun lalu.

“Pada asasnya, projek itu bertujuan memberi keselesaan kepada nelayan serta kemudahan untuk pengusaha bot pelancong ke Pulau Perhentian, tetapi ia juga bakal membuka pelbagai peluang yang dapat merancakkan perkembangan ekonomi setempat,” katanya.

Idris yang juga Menteri Pendidikan Tinggi berkata, pelaksanaan projek GPA itu bakal melonjakkan Kuala Besut di peta dunia dengan ‘kuala

baharu’ yang mencetus pelbagai potensi pembangunan di kawasan tersusun dan mampu menarik pelaburan besar.

Katanya, tebus guna tanah juga dilakukan bagi menyediakan infrastruktur lebih tersusun, sekali gus membawa keuntungan kepada penduduk serta memberikan imej serta kehidupan yang lebih sejahtera.

“Projek pembinaan kuala baharu dengan mendalamkan muara dan membina benteng pemecah ombak memberi faedah kepada pengusaha bot pelancong serta nelayan,” katanya.